



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**ARAHAN KETUA PENGARAH KESIHATAN
DI BAWAH SEKSYEN 26A AKTA RACUN 1952 [AKTA 366]**

BILANGAN 2 TAHUN 2026

**ARAHAN BERKENAAN LARANGAN PENGIMPORAN ATAU PENJUALAN NIKOTIN
OLEH AHLI FARMASI BERLESEN UNTUK TUJUAN PENGILANGAN PRODUK
MEROKOK**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 26A Akta Racun 1952 [Akta 366], Ketua Pengarah Kesihatan mengeluarkan arahan yang berikut:

1. TUJUAN

- 1.1 Arahan ini ditujukan kepada ahli farmasi berlesen di bawah Akta 366 yang mengimport atau menjual nikotin.
- 1.2 Arahan ini adalah untuk menetapkan larangan pengimportan atau penjualan nikotin oleh ahli farmasi berlesen untuk tujuan pengilangan produk merokok.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852] telah berkuat kuasa pada 1 Oktober 2024, iaitu suatu akta yang mengawal produk merokok termasuk bahan merokok (rokok elektronik atau vape mengandungi nikotin) dan dikuatkuasakan oleh Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 2.2 Bagi menjaga imej profesion farmasi yang berperanan dalam penjagaan kesihatan dan memastikan ahli farmasi berdaftar sebagai profesional kesihatan tidak terlibat dalam

apa-apa urusan niaga yang melibatkan nikotin bagi tujuan menghasilkan produk merokok, arahan ini dikeluarkan kepada ahli farmasi berlesen bagi memperincikan larangan pengimportan atau penjualan secara borong nikotin untuk tujuan pengilangan produk merokok.

2.3 Pengimportan atau penjualan secara borong nikotin bagi tujuan selain tujuan pengilangan produk merokok adalah dibenarkan untuk dilakukan oleh ahli farmasi berlesen, tertakluk pada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023.

3. PELAKSANAAN

Ahli farmasi berlesen dilarang mengimport atau menjual secara borong nikotin untuk tujuan pengilangan produk merokok.

4. PEMAKAIAN

Arahan ini adalah terpakai kepada semua ahli farmasi berlesen di bawah Akta 366 yang mengimport atau menjual racun secara borong.

5. PEMATUHAN

Kegagalan mematuhi arahan ini merupakan suatu kesalahan di bawah subseksyen 26A(3) Akta 366 dan jika sabit kesalahan boleh dihukum di bawah subseksyen 32(2) Akta 366.

6. TARIKH KUAT KUASA

Tarikh kuat kuasa arahan ini adalah **SERTA-MERTA** mulai tarikh arahan ini dikeluarkan.



(DATUK DR. MAHATHAR BIN ABD WAHAB)

Ketua Pengarah Kesihatan

Tarikh: 3.2.2026